

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN AMALAN PENGURUSAN SULH DI  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
SARAWAK BAHAGIAN  
KUCHING**

**AHMAD SHAH AFFANDIE**

Tesis ini dikemukakan bagi  
memenuhi keperluan pengurniaan  
**Sarjana Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Julai 2023**

## ABSTRAK

Dewasa ini Sulh sebagai suatu kaedah Resolusi Pertikaian Alternatif (*Alternative Dispute Resolution - ADR*) semakin mendapat sambutan dan perhatian di Malaysia khususnya di Mahkamah Syariah. Sehubungan itu, kajian ini adalah mengenai menganalisis amalan pengurusan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kuching. Terdapat tiga objektif kajian yang hendak dicapai, iaitu menganalisis terhadap definisi, teori, konsep dan amalan sulh dalam perundangan Islam; menilai amalan sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kuching; dan menganalisis aspek pentadbiran Unit Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kuching. Kajian ini menggunakan tiga kategori tinjauan kajian lepas, iaitu sumber umum sebanyak 8 sumber, sumber khusus sebanyak 19 sumber, dan sumber rasmi dari agensi-agensi yang berbidangkuasa dalam perundangan syariah di Malaysia sebanyak 12 sumber. Selanjutnya kajian ini menggunakan empat kaedah utama dalam proses pengumpulan dan pemerolehan data, iaitu kajian kepustakaan, kaedah temubual (wawancara), kaedah analisis dokumen dan kaedah pemerhatian. Dari segi aspek tempoh kutipan data, data yang dikutip untuk kajian ini adalah dari tahun 2014 hingga 2020, iaitu selama 7 tahun sahaja. Manakala kaedah analisis data kajian pula menggunakan empat kaedah utama iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif, kaedah analisis kandungan dan kaedah komparatif. Hasilnya kajian ini merumuskan 3 dapatan utama kajian. Kajian merumuskan kaedah sulh telah berjaya dibangunkan berasaskan sumber dari al-Quran, al-Sunnah dan khazanah perundangan Islam yang berkembang dari zaman ke zaman, dengan mengutamakan prinsip keperluan, bukannya kehendak. Kajian ini juga mendapati kaedah sulh diupayakan sebagai salah satu kaedah dalam Resolusi Pertikaian Alternatif di luar mahkamah dengan memuktamadkan persetujuan bersama dalam proses yang lebih ringkas dan mudah berasaskan 'win-win solution'. Kajian ini juga mengesahkan kepentingan aspek pengkhususan dalam bidang tugas perjawatan sebagai Pegawai Sulh terutamanya pemantapan kemahiran-kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, psikologi dan kaunseling.

Katakunci: Resolusi pertikaian alternatif, Perundangan Islam, Mediasi, Sulh

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya bagi Allah S.W.T tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya maka kajian ini dapat disempurnakan.

Sekalung penghargaan khusus buat Profesor Madya Dr. Hadenan bin Haji Towpek Pensyarah Kanan Fakulti Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi sokongan, berkongsi idea, nasihat, bimbingan dan teguran sehingga kajian ini dapat diselesaikan.

Penghargaan dan terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) yang terdiri daripada Y.A.A Datu Haji Awang Suhaili bin Ledi Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Sarawak, Y.A Tuan Abdul Karim bin Mohd Nuli Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Sarawak, Y.A Tuan Mahiden bin Sah Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Negeri Sarawak, dan Y.A. Tuan Najarudin Nedri Pegawai Kanan Sulh, serta Puan Norsilawati binti Jamahari Pegawai Sulh di Unit Sulh yang turut menyumbang pandangan, nasihat dan panduan dalam kajian ini. Tidak lupa kepada semua pensyarah-pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar kepada penyelidik sehingga mampu menghasilkan kajian ilmiah ini.

Penghargaan dan terimah kasih turut ditujukan kepada isteri tersayang, ibu mertua, ipar, saudara mara serta rakan-rakan seperjuangan yang tanpa henti memberi sokongan dan kepercayaan kepada penyelidik disepanjang kajian. Semoga Allah S.W.T sentiasa memberkati jasa dan sumbangan kalian. Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan pelaksanaan sulh di Negeri Sarawak.

Sekian,

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PERAKUAN PANEL PENILAI</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	<b>xii</b>
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Persoalan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Pengertian Tajuk Kajian	18
1.8.1 <i>Amalan</i>	18
1.8.2 <i>Pengurusan</i>	19
1.8.3 <i>Sulh</i>	19
1.8.4 <i>Hubungan Sulh dengan Wasathah dan Tahkim</i>	20
1.8.5 <i>Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS)</i>	21
1.9 Pembahagian Bab Kajian	22
1.10 Penutup	25

## **BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.1	Pengenalan	26
2.2	Tema Kajian Secara Umum	27
2.3	Tema Kajian Secara Khusus	32
2.4	Sumber Rasmi Tema Kajian	43
2.5	Penutup	51

## **BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	53
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	55
3.2.1	Kaedah Kajian Kepustakaan ( <i>Library Research</i> )	55
3.2.2	Kaedah Temu Bual (Wawancara)	56
3.2.3	Kaedah Kajian Analisis Dokumen	60
3.2.4	Kaedah Pemerhatian	61
3.3	Kaedah Analisis Data	62
3.3.1	Kaedah Induktif	62
3.3.2	Kaedah Deduktif	62
3.3.3	Kaedah Analisis Kandungan	63
3.3.4	Kaedah Komparatif	63
3.4	Prosedur Analisis Data	64
3.5	Penutup	65

## **BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	66
4.2	Analisis Terhadap Teori, Konsep dan Amalan Sulh Dalam Islam	67
4.2.1	Definisi, Rukun dan Syarat Sulh	67
4.2.2	Prinsip Asas Sulh Berdasarkan Sumber al-Quran	70
4.2.3	Prinsip Asas Sulh Berdasarkan Sumber al-Sunnah	71
4.2.4	Prinsip Asas Sulh Dari Aspek Kekeluargaan	73
4.2.5	Peranan <i>Hakam</i> dalam Majlis Sulh	74
4.2.6	Kaitan Sulh dengan Aspek Nusyuz	75
4.2.7	Prinsip-Prinsip Asas Majlis Sulh	77